



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ISU SOSIAL MASYARAKAT INDIA DALAM CERPEN KARYA MURUGIAH MUTHUVEERAN

MURALEE A/L RAMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (KESUSASTERAAN TAMIL)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

v

ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti, menganalisis tujuan penggunaan dan kesesuaian penggunaan isu-isu sosial masyarakat India yang terdapat dalam cerpen Murugiah Muthuveeran. Analisis kajian ini tertumpu kepada 33 cerpen Murugiah Muthuveeran yang dipilih daripada kumpulan cerpen berjudul *en vāñil nāñku nilavukal* dan *ullāca vāñil uravukal āyiram*. Pendekatan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks berdasarkan teori sosial telah digunakan untuk menjalankan kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 19 isu sosial masyarakat India, lima tujuan penggunaan isu sosial dan kesemua isu sosial tersebut digunakan dengan sesuai dalam cerpen-cerpen tersebut. Kesimpulan kajian ini menunjukkan bahawa cerpen-cerpen Murugiah Muthuveeran berjaya memaparkan isu-isu sosial sebenar yang dialami oleh masyarakat India di Malaysia. Implikasi kajian ini menunjukkan isu-isu sosial yang digambarkan dalam cerpen Murugiah Muthuveeran boleh dijadikan panduan untuk mengatasi masalah sosial dalam kalangan masyarakat India Malaysia.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

vi

SOCIAL ISSUES OF INDIAN SOCIETY IN SHORT STORIES OF MURUGAIAH MUTHUVEERAN

ABSTRACT

The objective of the research is to identify, analyse the purpose and suitability of applying social issues among the Indian community as portrayed in Murugiah Muthuveeran's short stories. This research analysis focuses on Murugiah Muthuveeran's 33 short stories selected from two anthologies entitled *en vāñil nāñku nilavukal* and *ullāca vāñil uravukal āyiram*. The qualitative approach, namely library method and text analysis method encompassing social theory was used to carry out this research. The findings show that there are 19 social issues of the Indian community, five purposes of using the social issues and all these social issues are used appropriately in these short stories. Conclusion of this study shows that Murugiah Muthuveeran's short stories have successfully portrayed the real social issues experienced by the Indian community in Malaysia. The implication of this research shows the social issues that are embedded in Murugiah Muthuveeran's short stories which can be used as a guide to overcome problems prevalent in the Malaysian Indian community.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI CARTA	xiv
TRANSLITERASI	xv



BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.2.1 Perkembangan Cerpen Tamil Di India	5
1.2.2 Perkembangan Cerpen Tamil Di Malaysia	5
1.2.3 Cerpenis Murugiah Muthuveeran	10
1.3 Peryataan Masalah	11
1.4 Objektif Kajian	19
1.5 Persoalan Kajian	19
1.6 Kepentingan Kajian	20





1.7 Batasan Kajian	21
1.8 Sumber Kajian	25
1.9 Definisi Konsep	25
1.9.1 Cerpen	26
1.9.2 Isu Sosial	28
1.10 Kesimpulan	31

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	32
2.2 Kajian-Kajian Terdahulu	33
2.3 Kesimpulan	53



3.1 Pengenalan	55
3.2 Reka Bentuk Kajian	55
3.2.1 Kerangka Kajian	57
3.3 Kaedah Kajian	58
3.3.1 Kaedah Kajian Kepustakaan	58
3.3.2 Kaedah Kajian Analisis Teks	59
3.3.3 Kaedah Temubual	60
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	60
3.5 Teori Kajian	61
3.5.1 Kerangka Teori	62
3.5.2 Aliran Fungsi Model Pencerminan	71





3.8 Kesimpulan

72

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	73
4.2 Isu Sosial Dalam Cerpen Murugiah Muthuveeran	74
4.3 Isu Berkaitan Dengan Sosial	75
4.3.1 Isu Individu	79
4.3.1.1 Isu Anak Dara Tua	79
4.3.1.3 Isu Kecuaian Pemandu	84
4.3.2 Isu Kekeluargaan	92
4.3.2.1 Isu Ibu Tunggal	92
4.3.2.2 Isu Penipuan	104
4.3.2.3 Isu Mengabaikan Tanggungjawab	115
4.3.2.4 Isu Perpecahan Dalam Keluarga	124
4.3.3 Isu Masyarakat	130
4.3.3.1 Isu Bunuh Diri	131
4.3.3.2 Isu Cinta Sehala	136
4.3.3.3 Isu Penderaan	141
4.3.3.4 Isu Pengaruh Sahabat	150
4.3.3.5 Isu Budaya Barat	159
4.3.3.6 Isu Penyesuaian Diri Di Bandar	162
4.4 Isu Berkaitan Dengan Ekonomi	168
4.4.1 Pendapatan Rendah	171
4.4.1.1 Pendapatan Rendah Ibu Tunggal	171





4.4.1.2 Isu Kemiskinan akibat Pendapatan Rendah	174
4.4.2 Isu Tidak Suka Makan Gaji	184
4.5 Isu Berkaitan Dengan Pendidikan	190
4.5.1 Isu Ponteng Sekolah	193
4.5.2 Isu Masalah Disiplin	195
4.5.3 Isu Ramai Pelajar dalam Kelas	197
4.5.4 Isu Tidak Menghormati Guru	204
4.6 Kesimpulan	211

BAB 5 RUMUSAN

5.1 Pendahuluan	213
5.2 Analisis Dapatan Kajian	214
5.3 Cadangan Kajian Lanjutan	
5.3.1 Kajian Berfokus Kepada Kritikan	225
5.3.2 Kajian Terhadap Nilai-Nilai Moral	226
5.3.3 Kesan Terhadap Ekonomi Masyarakat India	226
5.3.4 Kajian Berdasarkan Konsep Feminisme	227
5.4 Kesimpulan	228

RUJUKAN	229
---------	-----





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
1.1 Cerpen-Cerpen Murugiah Muthuveeran yang dipilih untuk kajian ini.	23
4.1 Senarai Isu Berkaitan Sosial	76
4.2 Senarai Isu Berkaitan Ekonomi	170
4.3 Taburan Peratus Isi Rumah Mengikut Kelas Pendapatan	173
4.4 Senarai Isu Berkaitan Pendidikan	192
4.5 Peluang Pendidikan Peringkat Pengajian Tinggi tanpa Beban Hutang Di Malaysia Pada Tahun 2014	200
5.1 Rumusan Masalah Sosial Dalam karya Murugiah Muthuveeran	214
5.2 Tujuan penggunaan masalah sosial dalam cerpen Murugiah Muthuveeran.	220
5.3 Pengaruh Kesesuaian Masalah Sosial Dalam Cerpen Murugiah Muthuveeran	223





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
3.1	Kerangka Kajian	57
3.2	Kerangka Teori	62
3.3	Aliran Fungsi Model Pencerminan GeorgeLukacs	71
4.1	Isu Berkaitan Dengan Sosial	77
4.2	Isu Berkaitan Dengan Sosial	78
4.3	Statistik Anak Dara Kaum India	83
4.4	Kes Kemalangan Melibatkan Bas Ekspress	87
4.5	Jumlah Kecederaan Dan Kematian Disebabkan Oleh Kemalangan JalanRaya Di Malaysia	88
4.6	Jumlah Kemalangan Yang Melibatkan Bas Di Malaysia	89
4.7	Statistik Punca Kemalangan	90
4.8	Statistik Ibu Tunggal Mengikut Kaum	93
4.9	Statistik Kadar Pencereraian Di Malaysia Di Kalangan Kaum India	100
4.10	Statistik Bilangan Peserta Ibu Tunggal Dalam i-Kit	102
4.11	Statistik Bilangan Ibu Tunggal Dalam Penduduk Malaysia	103
4.12	Perbandingan Statistik Kes Jenayah Komersial	109
4.13	Statistik Aktiviti-aktiviti Pencegahan	112



4.14	Status Pengaduan Awam	114
4.15	Statistik Kes Penipuan	114
4.16	Statistik Bilangan Penghuni Rumah Seri Kenangan Seluruh Negara Mengikut Kaum	121
4.17	Peratus Warga Emas Mengikut Jantina	123
4.18	Peratusan Idea Bunuh Diri Mengikut Umur Dalam Kalangan Penduduk Malaysia	134
4.19	Kes Pembunuhan Diri Mengikut Kaum	135
4.20	Indeks Komponen Keselamatan Awam	157
4.21	Isu Sosial Berkaitan Ekonomi	170
4.22	Teori Hierarki Keperluan Maslow	175
4.23	Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Purata Mengikut Wilayah	176
4.24	Peratus Pengangguran Mengikut Etnik	189
4.25	Bilangan Sekolah Rendah Yang Kekurangan Infrastruktur Dan Kemudahan Asas	202
4.26	Kes Pelajar Kaum India Tidak Menghormati Guru	209
5.1	Peratus Pengagihan Masalah Sosial	217



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

SENARAI CARTA

No. Carta	Muka surat
5.1 Carta Masalah Sosial Mengikut Kategori	218



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



TRANSLITERASI

Penggunaan transliterasi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui transliterasi Bahasa Melayu adalah berdasarkan Sistem Transliterasi yang digunakan dalam Tamil Lexican. Berikut ialah dasar-dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil yang digunakan.

உயிரமுத்துகள் / Huruf-huruf Vokal

அ	:	<i>a</i>	உ	:	<i>u</i>	ஐ	:	<i>ai</i>
ஆ	:	<i>ā</i>	ஊ	:	<i>ū</i>	ஓ	:	<i>o</i>
இ	:	<i>i</i>	ஏ	:	<i>e</i>	ஓ	:	<i>ō</i>
ஏ	:	<i>ī</i>	ஏ	:	<i>ē</i>	ஓளா	:	<i>au</i>



மெய்யமுத்துகள் / Huruf-huruf Konsonan

க	:	<i>k</i>	ங்	:	<i>ṅ</i>	ஞ்	:	<i>y</i>
ச	:	<i>c</i>	ஞ்	:	<i>ñ</i>	ர்	:	<i>r</i>
ட்	:	<i>t̪</i>	ண்	:	<i>n̪</i>	ல்	:	<i>l</i>
த்	:	<i>t̪</i>	ந்	:	<i>n̪</i>	வ்	:	<i>v</i>
ப்	:	<i>p̪</i>	ம்	:	<i>m̪</i>	ழ்	:	<i>l̪</i>
ற்	:	<i>r̪</i>	ன்	:	<i>n̪</i>	ள்	:	<i>l̪</i>

சமஸ்கிருத எழுத்துகள் / Huruf-huruf Sanskrit

ஜ்	:	<i>j</i>	ஸ்	:	<i>s</i>
ஷ்	:	<i>ʂ</i>	க்ஷி	:	<i>kʂ</i>
ஹ்	:	<i>h</i>			





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Sastera bermaksud kumpulan buku-buku yang indah bahasanya dan baik isinya.

Mengikut erti kata yang lebih luas, sastera boleh dimaksudkan sebagai segala pengucapan yang indah, sama ada tertulis atau tidak (Shannon Ahmad, 1987). Sastera wujud dalam masyarakat dalam bentuk tulisan dan juga wujud dalam bentuk lisan.

Kedua-dua bentuk sastera sememangnya tidak terpisah daripada masyarakat.

Menurut Agilan (2002), cerpen (cerita pendek) sebagai salah satu jenis karya sastera ternyata yang dapat memberikan manfaat kepada pembacanya. Antara manfaat adalah dapat memberikan pengalaman pengganti, kenikmatan, mengembangkan imaginasi dan pengertian tentang perilaku manusia serta dapat mengukuhkan pengalaman yang universal. Pengalaman yang universal itu tentunya sangat berkaitan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



dengan hidup dan kehidupan manusia serta kemanusiaan. Pengalaman ini biasanya berupa isu perkahwinan, percintaan, tradisi, agama, persahabatan, sosial, politik, pendidikan dan sebagainya.

Oleh itu, tidaklah menghairankan jika seseorang pembaca cerpen itu dapat menghayati bahawa kehidupan manusia sangat rapat dengan permasalahan yang dipaparkan dalam sesuatu cerpen . Akibatnya, si pembaca itu terlarut dalam alur dan permasalahan cerita. Tambahan pula, sering pula perasaan dan fikirannya dipermainkan oleh permasalahan dalam cerita yang dibacanya itu. Ketika itulah si pembaca itu akan tertawa, sedih, bahagia, kecewa, marah dan mungkin akan memuja sang tokoh atau membencinya (Pudhumaipithan, 1940).



Jika ~~pustaka.upsi.edu.my~~ kenyataan tersebut benar, maka jelaslah bahawa sastera (cerpen) telah berperanan sebagai pemekat dan karikatur daripada kenyataan ,dan sebagai pengalaman kehidupan seperti yang diungkapkan oleh Saini, (1989). Oleh sebab itu, jika cerpen dijadikan bahan pengajaran di kelas, tentunya akan mencetuskan pembelajaran yang lebih hidup dan menarik.

Seterusnya, suatu hakikat yang tidak dapat dielakkan ialah cerpen merupakan satu fenomena sosial. Hal ini dapat dikesan pada sesebuah cerpen. Oleh itu, sesuatu cerpen berhubung dengan sosial. Tanpa fenomena sosial, tidak akan ada manusia meskipun masyarakat itu akan sangat kecil sekali (Umar Junus, 1988).

Satu perkara yang utama kita tidak dapat elakkan adalah menerima kenyataan bahawa seseorang penulis cerpen hidup dalam masa dan tempat tertentu. Seseorang





penulis cerpen sentiasa berhadapan dengan pelbagai masalah sosial dalam kehidupannya (Jabrohim, 2001).

Kenyataan di atas menjelaskan bahawa seseorang penulis cerpen merupakan seorang anggota masyarakat. Oleh itulah karya cerpen sentiasa menggambarkan kelompok sosial yang menggunakan sesuatu bahasa. Cerpen sentiasa menggambarkan bahawa kehidupan ialah suatu kenyataan sosial (Supardi Djoko Damono, 1978).

Sesebuah cerpen dibangunkan oleh unsur-unsur yang saling berkaitan. Unsur-unsur itu merupakan satu kesatuan. Unsur-unsur dalam cerpen seperti tema, alur, penokohan dan tokoh adalah saling berkaitan. Sehubungan itu, tanggapan, pandangan dan sikap penulis cerpen akan terlihat dalam tokoh-tokoh yang diilhamkan oleh penulis cerpen. Secara tersirat, penulis cerpen memasukkan idea, pandangan, dan sikapnya terhadap kondisi sosial tokoh-tokohnya. Tokoh-tokoh inilah yang bergerak mengikut alur cerita yang diciptakan oleh penulis cerpen. Konflik batin dan sosial tokoh biasanya mewakili sikap, pemikiran dan pandangan penulis cerpen terhadap masalah-masalah sosial. Tokoh akan digambarkan melalui penokohan. Penokohan secara tidak langsung menggambarkan situasi sosial yang dirasakan dan difikirkan oleh penulis cerpen (Anwar, 2010).

Sebenarnya, melalui cerpen kita mempelajari suatu kehidupan sosial. Cerpen juga dilihat sebagai dokumen sosiobudaya yang mencatatkan kenyataan sosiobudaya sesuatu masyarakat pada masa tertentu. Imej atau citra seperti perempuan, lelaki, orang asing, tradisi, dunia moden, masalah dan unsur-unsur lain dicerminkan melalui cerpen yang dihasilkan. Cerpen karya Murugiah Muthuveeran juga mencerminkan





beberapa isu sosial masyarakat India. Kajian ini turut mengemukakan isu sosial masyarakat India yang dibincangkan dalam cerpen karya Murugiah Muthuveeran.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sastera merupakan sesuatu yang mengisahkan sejarah sesebuah masyarakat. Pengkaji-pengkaji awal sosiologi dan antropologi mengambil bukti-bukti yang terdapat dalam hasil karya sastera yang menggambarkan sosiobudaya sesebuah masyarakat. Oleh demikian, kita boleh mengatakan bahawa karya sastera seperti cerpen, novel, puisi dan sebagainya menjadi dokumen sosiobudaya yang penting untuk mengisahkan atau mencerminkan kehidupan masyarakat (Hashim Awang, 1998).



Karya sastera menonjolkan permasalahan-permasalahan yang terdapat dalam kehidupan manusia yang berkaitan dengan moral mengikut situasi sosial dan sejarah. Karya sastera pada umumnya tidak pernah melarikan diri daripada hubungannya dengan kehidupan masyarakat.

Cerpen, novel, sajak, puisi, drama dan sebagainya dikategorikan sejenis sastera. Cerpen merupakan sejenis sastera moden yang mula terkenal sejak abad ke-19. Ramai pembaca berminat terhadap cerpen kerana bentuknya ringkas dan padat serta tidak memerlukan masa yang lama untuk menikmatinya. Oleh demikian, cerpen berkembang dengan pesat secara global sejak abad ke-19. Cerpen sentiasa mencerminkan masyarakat (Agilan, 2002)





1.2.1 Perkembangan Cerpen Tamil Di India

Bentuk sastera Tamil yang terawal ialah puisi. Tholkappiyam merupakan sebuah karya berbentuk puisi. Tholkappiyam merupakan sebuah bahan sastera yang ditulis dalam bentuk puisi. Pada mulanya, iaitu antara abad pertama hingga abad ke-10 masihi, sastera Tamil wujud dalam bentuk puisi, Sebenarnya, kebanyakan hasil sastera yang dihasilkan semasa zaman Sangam berbentuk puisi. Pada abad ke-18 pula, sastera Tamil moden mula mengalami perubahan wajah. Kesusasteraan berpuisi telah membuka cabang dan membawa wajah baru dalam sastera. Wajah tersebut dinamakan kesusasteraan prosa. Berikutan ini, cerpen dan novel mula muncul dalam kesusasteraan prosa ini. Pada masa tersebut juga, wajah sastera Tamil yang bercirikan klasik mula berubah kepada moden.



Karya Veeramamunivar *paramārtakuru kataikal*, karya Thandavaraya Mudaliyaar iaitu *pañca tantira kataikal*, karya Veerasamy Chettiar iaitu *vinōta raca mañcari* dan karya Celvakesavaraaya Mudaliyar iaitu *abinava kataikal* ialah antara cerita pendek yang berbentuk ala cerpen yang dihasilkan sebelum tahun 1927. Namun, cerpen Tamil yang dihasilkan oleh Varanageri Vengadacubramanya Iyer pada tahun 1917 dianggap sebagai cerpen tulis Tamil pertama (Ilampuranan, 2015).

1.2.2 Perkembangan Cerpen Tamil Di Malaysia

Perkembangan sastera Tamil di negara ini banyak berpengaruh dengan pengarang dan karya dari Tamil Nadu memang sangat menonjol. Sastera Tamil di Malaysia dikatakan





bermula dengan terbitnya novel sulung berjudul *karuṇākaran allatu kātalin mātci* karya K.Vengadaratnam (1917) dari Tamil Nadu, India. Kumpulan cerpen sulung pula diterbitkan pada tahun 1930 ialah *navarasa katai mañcari*, iaitu lima cerpen hasil karya V. Sinniah Pillai. Beliau merupakan pengarang sulung dalam genre cerpen Kumpulan cerpen kedua berjudul ialah *kaṭaisipantikalīṇ kaṇṇīr* (Uthaya Sankar SB,2010).

Selepas zaman pendudukan Jepun, iaitu selepas tahun 1945, muncul ramai pengarang tempatan yang berusaha menghasilkan karya berjiwa Malaya. Namun, pengaruh dari Tamil Nadu masih ketara kerana bahan-bahan bacaan masih diimport dari situ. Rata-rata tema novel dan cerpen awal berkisar pada perjuangan menuntut kemerdekaan India, sistem kasta dan dowri dalam perkahwinan. Pada tahun 1950-an,



latar tempat di Tamil Nadu dan di Sri Lanka yang ketara digunakan oleh pengarang di sini mula beralih ke latar tempat di Malaya .



Krishnan Maniam,(1993) telah menjalankan kajian tentang perkembangan sastera Tamil tempatan. Beliau menjelaskan bahawa akhbar-akhbar bahasa Tamil di Malaya pada zaman selepas penjajahan Jepun masih banyak menyarkan cerpen-cerpen yang dihasilkan di Tamil Nadu. Dua majalah yang popular ketika itu ialah Ananda Vikatan dan Kalki. Kedua-duanya mempunyai hubungan secara langsung dengan pengarang bernama Kalki yang diakui sebagai perintis sastera moden Tamil. Akhbar Tamil turut banyak menyumbang ke arah perkembangan cerpen di Malaysia sejak tahun 1950-an. Antara akhbar tersebut ialah *Tamil Nesan*, *Tamil Chelvan*, *Malaysia Nanban*, *Inba Nilayam*, *Senthamil Selvi* dan *Tamil Murasu*. Akhbar Tamil





Nesan, Malaysia Nanban dan Makkal Osai masih meneruskan usaha masing-masing dalam perkembangan cerpen Tamil (Uthaya Sankar SB,2010).

Dari November 1950 hingga April 1951, akhbar *Tamil Nesan* mengadakan ruangan "Kelas Cerita" untuk memberi tunjuk ajar menulis cerpen kepada bakat-bakat muda. Pada tahun 1953, akhbar *Tamil Murasu* mengadakan ruangan khas bagi karya penulis muda. Jurnal sastera Bahasa Tamil yang juga memuatkan cerpen dan novel bersiri termasuklah *cōlai* (1952), *tirumukam* (1955), *sañkamaṇi* (1955), *mātavi* (1959) dan *ponni* (1965). Pada masa ini, akhbar mingguan *vāñampādi* serta majalah seperti *Tendral* dan *Nayanam* masih menyediakan ruang bagi penyiaran cerpen dan puisi. Pertandingan menulis cerpen yang menawarkan hadiah turut dijalankan oleh pihak akhbar (Uthaya Sankar SB,2010).



Kebanyakan penulis awal sajak, cerpen dan novel Tamil berpendidikan Tamil serta menjadi guru sekolah Tamil, wartawan akhbar Tamil atau bekerja di Jabatan Kerja Raya. Tema-tema yang menjadi pilihan mereka adalah berkaitan dengan masalah sosial, percintaan, penderitaan akibat perang dan isu-isu masyarakat di ladang.

Persatuan Penulis-penulis Tamil Malaysia yang dimulakan pada tahun 1958 mula membantu para penulis agar bergiat secara aktif untuk menghasilkan karya bermutu. Dengan ini, wujudlah beberapa penulis muda. Pertandingan menulis novel yang pertama telah dianjurkan pada tahun 1969. Persatuan Bahasa Tamil Universiti Malaya pula menganjurkan pertandingan cerpen untuk mencungkil bakat-bakat baru. Dengan ini, Persatuan Penulis-penulis Tamil Malaysia mengetengahkan beberapa





penulis veteran dan baru serta penulis muda dalam kalangan pembaca. Antara penulis veteran sastera Tamil di Malaysia ialah M.Ramaiah, R.Perumal, M.Ramakrishnan, M.Arivanandan, M.Anbuchelvan, MS.Gurusamy, R.Kartigesu, Ilanchelvan, Karaikilar, N.Mariappan, M.Durairaj, Maideen Sultan, Hassan Ghani, C.Sockalingam, S.Kamala, I.Iavalagu, Paavai, KO.Punniavan, Samy Murthy, KU.Krishnan, V.Poobalan dan B.Chandrakantham.

Murugiah Muthuveeran merupakan antara penulis cerpen muda yang terkenal di Malaysia yang diperkenalkan oleh Persatuan Penulis-penulis Tamil Malaysia. Pada asalnya, Murugiah Muthuveeran merupakan seorang anak ladang. Beliau pernah mengalami segala pahit dan manis dalam kehidupannya sendiri di ladang. Beliau juga turut menyaksikan segala masalah sosial yang dialami dan dihadapi oleh masyarakat



Sejak umur empat belas tahun, beliau menonjolkan minatnya terhadap penulisan sastera. Pengarang terkenal Mu Varatharasan merupakan perga (role model) beliau. Sehingga kini, beliau masih meneruskan usahanya menghasilkan cerpen, drama dan karangan. Beliau lazimnya menggambarkan isu-isu masyarakat India di Malaysia dalam hasil karyanya .

Kebanyakan cerpen Murugiah Muthuveeran menyuarakan kebenaran sosial dan ketidak adilan sosial dalam masyarakat India. Isu sosial telah menjadi tema dalam cerpen beliau. Kepahitan hidup masyarakat India dalam menyara kehidupan harian digambarkan dalam cerpen-cerpen beliau. Pada masa moden ini, masyarakat India sering berdepan dengan pelbagai isu sosial. Antara isu sosial yang telah digambarkan





ialah masalah percintaan, kepincangan keluarga, isu ibu tunggal, kekangan dalam bidang pendidikan, isu kekeluargaan, isu hubungan antara saudara dan adik-beradik dan sebagainya.

Pada masa ini, negara Malaysia sedang giat mengejar arus globalisasi dan pemodenan. Negara kita sedang menjejak kaki ke arah pembangunan dalam bidang perindustrian. Peralihan dalam sektor ekonomi baru ini telah menyebabkan banyak ladang terpaksa diambil alih untuk projek-projek pembangunan. Pekerja-pekerja ladang yang kebanyakannya terdiri daripada masyarakat India telah hilang pekerjaan terpaksa pindah ke tempat lain untuk mencari sumber kehidupan. Masyarakat India mula berpindah ke bandar-bandar yang berdekatan demi menyara kehidupannya. Di situasi yang baru ini, masyarakat India mula menghadapi pelbagai isu sosial ketika



cuba menyesuaikan diri dan meneruskan kehidupan baru di bandar. Berikut ini, bupsi masyarakat India yang menghadapi perubahan latar, mula mengalami kelunturan jati diri. Masyarakat India mula mengamalkan sifat antisosial seperti mementingkan diri, membenci sesama sendiri, tidak mengenang budi dan sebagainya. Murugiah Muthuveeran turut menyentuh isu sosial tersebut dalam cerpen-cerpennya.

Murugiah Muthuveeran bukan sahaja menggambarkan isu sosial, malah turut menerapkan nilai-nilai murni dalam cerpen-cerpennya. Beliau melalui cerpennya menegaskan nilai yang perlu menjadi ikutan seseorang dalam kehidupannya. Hal ini juga membuktikan bahawa beliau menulis cerpen-cerpen bukan sekadar untuk menarik hati pembaca, malah bermotif menanam nilai dan norma yang positif dalam diri pembaca.





Murugiah Muthuveeran bukan sahaja mengamati isu sosial dalam kalangan masyarakat India sahaja, malah masalah-masalah sosial yang dipaparkannya dan nilai-nilai murni yang diterapkan dalam cerpen-cerpennya juga turut mencerminkan masalah sosial dalam masyarakat moden di negara ini. Isu sosial yang dipaparkan dalam cerpennya turut mengamit masyarakat lain juga.

Oleh itu, adalah wajar mengkaji karya Murugiah Muthuveeran untuk mengenali isu sosial yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia. Kajian ini perlu dijadikan satu dokumen penting yang menggambarkan isu sosial yang dihadapi oleh masyarakat India. Kajian ini merangkumi teori sosiologi untuk mengenal pasti isu-isu sosial masyarakat India dalam cerpen karya Murugiah Muthuveeran. Hasil kajian ini juga boleh dijadikan sebagai satu bahan rujukan untuk kajian yang



1.2.3 Cerpenis Murugiah Muthuveeran

Cerpenis Murugiah Muthuveeran mula bergiat aktif pada tahun 2002. Beliau mula menonjolkan bakat penulisannya melalui karya pertamanya iaitu “*uravukal urankuvatillai*” yang disiarkan dalam Radio Tamil Singapura. Menurut Murugiah Muthuveeran, beliau mula menceburi bidang penulisan sejak bangku sekolah lagi di SMK Meru, iaitu pada tahun 1989. Beliau mula menulis cerpen ketika menceburi aktiviti kesusasteraan yang dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Tamil. Hasil usahanya tersebut berjaya membentuk dirinya sebagai seorang sasterawan. Cerpen beliau mula menarik hati pendengar radio mulai tahun 2002. Kemudian, banyak hasil karya beliau





mula termuat dalam akhbar-akhbar negara kita iaitu “*Malaysia Nanban*” dan “*vāñampādi*” pada tahun 2003. Karya-karya beliau mula menarik perhatian pembaca majalah. Beberapa karya beliau seperti “*mālai cūṭum nāl*”, “*verri vekutūramillai*”, “*yār contam*” dan banyak lagi turut mendapat sambutan yang menggalakkan dalam majalah Tamil yang diterbitkan di Malaysia.

Karya-karya Murugiah Muthuveeran sering mencerminkan isu sosial berkaitan dengan kepincangan rumah tangga, isu pertelingkahan adik-beradik, percintaan dan isu-isu rutin lain yang sentiasa berlaku dalam kalangan masyarakat India. Oleh sebab penulisan beliau sentiasa mencerminkan isu sosial rutin yang berlaku pada zaman moden ini, maka karya-karya beliau sentiasa menarik minat pembaca. Rentetan daripada sambutan hangat terhadap cerpen-cerpennya, beliau dianugerahkan dua anugerah, iaitu Anugerah Tan Sri Athi. Nagappan pada tahun 2009 dan Anugerah bupsi Sastera pada tahun 2010 bagi kategori cerpen.



1.3 Pernyataan Masalah

Masyarakat India merupakan golongan yang ketiga terbesar di Malaysia. Masyarakat India telah melalui banyak rintangan, cabaran dan penderitaan dalam kehidupannya selepas berhijrah dari India dan masalah tersebut masih berterusan hingga abad ke-21 ini. Walau bagaimanapun, masalah tersebut sudah ubah wajahnya. Kini, masalah yang menggamtit dan membelenggu masyarakat India ialah soal percintaan, kemiskinan, masalah ibu tunggal, halangan dalam melanjutkan pendidikan, kepincangan dalam keluarga dan isu-isu lain lagi.





Pengajian aspek ekstrinsik karya sastera antara lain membincangkan sosiologi sastera, psikologi dan falsafah dalam sastera. Cerpen-cerpen Murugiah Muthuveeran ialah karya sastera bermutu tinggi yang menggambarkan aspek sosiologi masyarakat India. Aspek sosiologi yang terkandung dalam cerpen-cerpen tersebut secara tidak langsung menunjukkan interaksi manusia dalam masyarakat.

Dalam kajian ini, pendekatan sosiologi sastera dikaitkan dengan masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat, khususnya masyarakat India. “ISU SOSIAL MASYARAKAT INDIA DALAM CERPEN KARYA MURUGIAH MUTHUVEERAN” merupakan satu kajian sosiologi sastera. Kajian ini membincangkan isu-isu sosial yang menyekat pembangunan sesebuah masyarakat, terutamanya masyarakat India pada zaman moden ini. Pada zaman yang moden ini, masyarakat India sentiasa berdepan dengan pelbagai isu sosial dalam meneruskan arus bupsi kehidupan mereka.

Cerpen-cerpen Murugiah Muthuveeran menggambarkan isu sosial dengan lebih jelas. Kehidupan masyarakat India perlu dikaji untuk mencari penawar kepada isu sosial yang membelenggunya. Seterusnya, langkah-langkah yang sewajarnya perlu dikenal pasti untuk menyelesaikan isu sosial tersebut.

Murugiah Muthuveeran pernah mengamati isu sosial yang telah menjadi tema dalam cerpen beliau. Kepahitan hidup masyarakat India dalam menyara kehidupan harian digambarkan dalam cerpen-cerpen beliau. Pada masa yang moden ini, masyarakat India sering berdepan dengan pelbagai isu sosial seperti persoalan percintaan, kemiskinan, masalah ibu tunggal, halangan untuk melanjutkan pelajaran,

